

UTHMevents | 8 Mac 2023 | Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan JP Skills Centre (JPSC), Johor Port Berhad (JPB) bertempat di Sudut Bacaan Tan Sri Johan Jaafar, PTTA UTHM.

Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM mewakili pihak universiti bagi pemeteraian Surat Hasrat (LoI) bersama Encik Md. Derick bin Basir, Ketua Pegawai Eksekutif JPB. Ia turut disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Shafie bin Mohamed Zabri, Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan UTHM serta Dr. Hj. Nazry bin Yahya, Ketua JPSC dan Encik K C Low, Ketua Jabatan Khidmat Korporat JPB.

Program anjuran FPTP UTHM dan JPSC-JPB ini turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid bin Masrom, Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan) FPTP, Prof. Madya Dr. Azlina binti Md. Yassin, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FPTP, Dr. Wan Nurul Karimah binti Wan Ahmad, Ketua Jabatan Pengurusan dan Teknologi FPTP, serta delegasi dari FPTP UTHM dan JPB.

LoI bersama JPSC-JPB ini akan memberikan faedah kepada kedua-dua belah pihak seperti peluang latihan kepada staf dan pelajar, penyelidikan bersama di antara staf dan industri, serta pemindahan teknologi dan ilmu terkini daripada industri ke kampus UTHM. LoI ini selaras dengan misi UTHM dalam menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berdasarkan paradigma tauhid. Ia juga selari dengan sasaran hala tuju universiti yang baharu iaitu untuk menjadi sebuah Global Technopreneur University pada tahun 2030 (GTU 2030).

Kerjasama antara JPSC dan FPTP telah bermula sejak tahun 2021, di mana Dr. Hj. Nazry telah dilantik sebagai Penasihat Industri dalam pemurnian program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi bagi kluster logistik. Kerjasama ini akan diteruskan lagi melalui program latihan dalam Pengurusan Logistik untuk pelajar FPTP dan politeknik menerusi dana PENJANA KPT-PACE (Pensijilan Profesional) MTUN bernilai RM178,080 yang telah diperolehi oleh Dr. Wan Nurul Karimah. JPSC juga terlibat dalam cadangan pembangunan program baharu Sarjana Muda Pengurusan Logistik di FPTP yang diketuai oleh Prof. Dr. Ts. Alina binti Shamsuddin.